



PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL (IPNCPD)  
INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
Tingkat 1, Menara 2  
Wisma Mustapha Kamal Neocyber, Cyber 12  
63000 Cyberjaya  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-8324 4400  
Fak : 03-8318 7394  
Web : <http://www.ipn.gov.my>

Rujukan Kami : JANM.IPNCPD.100-3/3/2 Jld.3( 2 )

Tarikh : 17 Disember 2021

## KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

### TAWARAN GERAN PENYELIDIKAN PERAKAUNAN DAN KEWANGAN SEKTOR AWAM TAHUN 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) kini membuka Tawaran Geran Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam Tahun 2022 kepada semua ahli akademik dan penyelidik yang berminat.

3. Untuk makluman, inisiatif ini bertujuan menggalakkan pelaksanaan projek penyelidikan pembangunan perakaunan dan kewangan sektor awam dari segi teori, konsep dan amalan serta mendokumentasikan maklumat-maklumat empirikal yang boleh menyumbang kepada pembangunan amalan perakaunan sektor awam.

4. Semua pemohon yang berminat diminta merujuk Garis Panduan Tawaran Geran Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam Tahun 2022 (*seperti di Lampiran A*) untuk panduan lengkap permohonan. Tarikh tutup permohonan adalah pada 10 Januari 2022. Permohonan yang disenarai pendek akan dihubungi dalam tempoh satu bulan daripada tarikh tutup permohonan.

5. Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan Borang Permohonan Geran Penyelidikan (IPNCPD/RGAF/1/2020) (*seperti di Lampiran B*) dan Kertas Cadangan Penyelidikan yang lengkap ke alamat berikut:

Unit Pembangunan Penyelidikan  
Pusat Pembangunan Profesional (IPNCPD)  
Institut Perakaunan Negara  
Tingkat 1, Menara 2, Wisma Mustapha Kamal  
Neocyber, Cyber 12  
63000 Cyberjaya  
Selangor.

(Sesalinan permohonan boleh juga dikemukakan melalui emel [research@anm.gov.my](mailto:research@anm.gov.my))

*Exellent Accounting @ Your Service*



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. 1110 10020

Rujukan Kami : JANM.IPNC PD.100-3/3/2 Jld.3( 2 )

Tarikh : 17 Disember 2021

6. Bersama ini juga disertakan poster hebahan untuk rujukan. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, sila hubungi pegawai kami seperti berikut:

Nor Azeema Omar, 03 - 8324 4406, azeema.omar@anm.gov.my

Suzalina Ibrahim, 03 - 8324 4409, suzalina.ib@anm.gov.my

Talian AM IPNC PD, 03 - 8324 4400, research@anm.gov.my

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DR. D. JOYCE CHRISTINA DHARMARAJ)**

C.A. (M), CPA (Aust), CIFA (UK), ASEAN CPA, FCMA (UK), CGMA

b.k Pengarah

Institut Perakaunan Negara

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

s.k YBhg. Datuk Akauntan Negara Malaysia

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

Pengarah, Institut Perakaunan Negara